

09/01/2002

`Segera cari punca tragedi Gunung Pulai'

Othman Mamat; Ahmad Ghazali Musa

JOHOR BAHRU, Selasa - Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad yang terkejut selepas menyaksikan sendiri kesan banjir lumpur di Kampung Seri Gunung Pulai dekat sini, mahu punca tragedi yang mengorbankan lima nyawa pada 27 Disember lalu itu segera dikenal pasti.

Sambil menyifatkan kejadian itu antara paling dahsyat pernah berlaku di negara ini, Perdana Menteri berkata, siasatan perlu dilakukan untuk mengenal pasti punca kejadian.

"Kita hendak tahu kenapa jadi demikian. Keadaan lebih buruk daripada yang saya sangka. Kesan banjir ini begitu dahsyat, saya tidak pernah tengok di Malaysia banjir yang semacam ini. Laporan akhbar dan lain-lain tidak menggambarkan kesan dahsyat sebenar.

"Sekarang ini kita perlu bersihkan kawasan dan tentukan saluran air supaya seboleh-bolehnya ia tak berlaku lagi," katanya selepas mendengar taklimat mengenai tragedi yang menghanyut dan memusnahkan empat rumah di tebing Sungai Air Hitam di kaki Gunung Pulai itu, hari ini.

Taklimat itu disampaikan Setiausaha Kerajaan Johor, Datuk Ayub Mion di Pulai Spring Resort, Skudai. Sebelum itu, Dr Mahathir yang diiringi isterinya, Datin Seri Dr Siti Hasmah Mohd Ali meninjau kesan tragedi itu selama lebih sejam.

Turut serta Menteri Besar, Datuk Abdul Ghani Othman serta Menteri Perumahan dan Kerajatan Tempatan yang juga Ahli Parlimen Pontian, Datuk Seri Ong Ka Ting,

Perdana Menteri kemudian menemui mangsa banjir lumpur itu di rumah persinggahan Yang Dipertua Majlis Perbandaran Johor Bahru Tengah, Abdullah Jaafar.

Beliau menghulurkan sumbangan peribadi RM5,000 kepada 10 mangsa itu termasuk Rahmat A Wahid, 40, yang kehilangan isteri serta tiga anak.

Mangsa lain ialah Razak Mokhtar, 44; Mohd Wahid Abd Karim, 62; Ahad Jamat, 46; Jamian Kasrin, 47; Rohaya Kassim, 42; Sudin Kassim, 35; Mohd Zazali Sukimin, 36; Kataman Sam, 42 dan Nor Hadi Aman, 51.

Banjir lumpur itu mengorbankan lima nyawa iaitu Salina Abas, 42; Nordiana Rahmat, 6; Mohd Aidil Rahmat, 4; dan Nuren Rahmat, setahun setengah dan Fatimah Sardan atau Abok, 60, manakala tiga orang lagi tercedera.

Ketika kejadian, semua mangsa dipercayai tidur. Bagaimanapun, 14 daripada penduduk di kawasan itu sempat menyelamatkan diri dengan berpaut pada runtunan kayu balak. Banjir lumpur itu turut menghanyutkan dua kereta dan sebuah bengkel kenderaan.

Dr Mahathir berkata, bantuan tambahan mungkin diberikan selepas usaha pemulihan keadaan dijalankan.

"Keutamaan akan diberikan untuk membantu kanak-kanak yang tiada baju dan buku sekolah.

"Kita sudah bagi duit, sama seperti di Pahang. Di sini pun kita sudah keluar (bantuan).

"Ada yang kita bantu, tapi kerajaan negeri kena ada jugalah. Mana kita boleh bantu kita bantulah, sama-sama kerajaan negeri dan persekutuan," katanya.

(END)